

21 JAN 1996

Salleh-Penggiliran

KETUA MENTERI SABAH DITENTUKAN OLEH BN PUSAT, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak berkata semua pihak perlu sedar bahawa mengikut sistem pemerintahan sekarang, jawatan Ketua Menteri negeri ini tidak dipilih oleh rakyat tetapi oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN).

"Dalam sistem BN yang ada sekarang ketua menteri Sabah bukannya dipilih rakyat tetapi pucuk pimpinan BN. Ia bukan jawatan yang kita pohon atau pilih tetapi dalam sistem itu ia bergantung kepada budibicara pucuk pimpinan BN," katanya kepada pemberita di lapangan terbang lama di sini hari ini sebagai mengulas kenyataan pemimpin-pemimpin komponen BN yang menyokong dan juga membantah cadangan penggiliran jawatan itu di kalangan tiga komuniti utama negeri.

Kira-kira 3,000 anggota dan penyokong Umno yang membawa pelbagai sepanduk menyatakan sokongan kepada Salleh untuk terus memegang jawatan ketua menteri, semasa menyambut ketibaan beliau pagi ini selepas bercuti sebulan.

Salleh yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri berkata satu mesyuarat BN negeri mungkin diadakan, jika perlu, bagi membincang semula soal penggiliran jawatan itu.

Katanya Umno negeri sudah membuat ketetapan sebelum ini untuk tidak meneruskan penggiliran jawatan ketua menteri di kalangan masyarakat Bumiputera Islam, Cina, dan Bumiputera bukan Islam seperti dijanjikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum negeri Mac 1994.

Bagaimanapun, kata Salleh, mesyuarat Umno negeri akan diadakan pada 27 Jan untuk membincangkan antara lain perkara itu atau sebarang rayuan mengenainya.

"Kita sudah memaklumkan pendirian Umno negeri kepada pucuk pimpinan dan sekali lagi kita akan bawa perkara ini dalam mesyuarat 27 Jan ini dan kita tengoklah apa tindakan yang perlu diambil," katanya.

Salleh yang akan memulakan tugasnya esok juga berkata beliau belum dimaklumkan mengenai mesyuarat BN negeri yang dipengerusikan pemangku Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee pada 8 Jan lepas yang dikatakan membincangkan dengan panjang-lebar soal penggiliran itu.

Yong, dilihat sebagai bakal ketua menteri jika penggiliran diteruskan, memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu bahawa tiada kata sepakat dicapai dalam mesyuarat berkenaan berhubung sama ada penggiliran jawatan itu diteruskan atau tidak.

Salleh berkata soal penggiliran jawatan itu, yang dijangkakan pada 17 Mac ini, tidak seharusnya memecah-belahkan perpaduan parti-parti komponen BN negeri sebaliknya kerajaan yang ada mesti memastikan kestabilan politik wujud dan kerancangan pembangunan dipertahankan.

"Sudah tentu BN Sabah perlu mengambil keputusan supaya perkara ini tidak berterusan. Saya sendiri tidak menganggap perkara ini masalah saya, ia adalah masalah parti dan sebagai anggota Umno dan BN, kita terikat dengan sistem berorganisasi oleh itu keputusan parti kita akan patuhi.

"Kuncinya ialah kita harus memberi kefahaman kepada anggota-anggota parti dengan sejelas-jelasnya mengenai perkara ini," katanya dan menegaskan bahawa Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa beliau berpegang kepada janjinya melainkan BN negeri sebulat suara berpendapat sebaliknya.

Ketika ditanya sama ada beliau sanggup mengecewakan harapan penyokongnya, Salleh berkata beliau akan membuat kenyataan akhbar

mengenainya pada 16 Mac (tarikh akhir beliau bertugas sebagai Ketua Menteri jika penggiliran diteruskan).

"Kamu kena tanya saya (mengenai perkara itu) pada 16 Mac, hari Sabtu, Insyallah waktu itu saya akan mengadakan satu sidang berita," katanya.

Salleh juga berkata beliau tidak berjumpa dengan Dr Mahathir sepanjang beliau bercuti kerana mengerjakan umrah di Mekah. --BERNAMA